

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 28.04.2025 MASA: 10.30AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS JASAMU DIKENANG UNTUK  
TUAN SR ZULHISHAM BIN ABDUL  
PENGARAH JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**28 APRIL 2025 (ISNIN)  
11.45 PAGI**

**TINGKAT 16  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Terima Kasih kepada semua yang hadir terutama kepada barisan Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan semua Pegawai yang hadir pada hari ini ke Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan rakan seperjuangan kita iaitu, Tuan Sr Zulhisham Bin Abdul.

Hampir empat (4) tahun kita telah Bersama dan dalam tempoh itu, pelbagai program, usaha serta inisiatif baru telah dilaksanakan di bawah kepimpinan beliau. Terima Kasih atas segala ilmu dan pengalaman yang telah dicurahkan kepada MBSP. Apabila mengenang detik-detik manis bersama, pasti akan menjadi detik kenangan paling manis buat kita semua kerana karakter beliau yang mudah didekati, tenang, toleransi, rahmah dan menjadi penyejuk buat rakan sekerja dalam keadaaan suka duka. Personaliti beliau yang sangat *passionate* dan *dedicated* terhadap tugas dan amanah amat saya hargai. Sebenarnya tugas kita bukannya mudah. Setiap Jabatan, Bahagian dan unit di dalam MBSP ini mempunyai sumbangan dan kekuatan masing-masing. Sokongan dan komitmen sebagai satu pasukan itu penting bagi meneraju kepimpinan MBSP. Semangat ini yang dapat saya lihat daripada semua Ahli Majlis, Tuan SUB, Ketua Jabatan dan semua Pengurusan & Profesional.

Bukan mudah untuk kita capai apa yang kita perolehi sekarang ini dan bukan mudah untuk kita *sustain* apa yang telah kita ada. Perpisahan adalah lumrah dalam kehidupan. Kita bukannya milik sesiapa. Dengan ini, saya berharap agar perjuangan Tuan Sr Zulhisham akan terus berpaksikan semangat dan keikhlasan walau di mana beliau berada. Doa kami akan sentiasa mengiringi langkah Tuan dalam meneruskan legasi perjuangan kecemerlangan pada masa akan datang. Terima kasih atas segala pengorbanan dan sumbangan buat MBSP dan Selamat Maju Jaya.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, Izinkan saya memberikan serangkap Pantun:

Malam Hari Berlalu Unggas,  
Memecah Kesunyian di dalam hutan,  
Walaupun terpisah tempat bertugas,  
Budimu tuan dalam ingatan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan takziah buat rakan sekerja kita iaitu En Wan Junaidy Bin Yahaya, Pengarah Khidmat Pengurusan yang kita kasihi dan sayangi yang telah pergi menghadap sang penciptanya. Marilah kita ambil kesempatan ini untuk bersama-sama menghadiahkan Surah Alfatihah buat beliau. Al Fatihah.

**Sekian, terima kasih. *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum***

***Warahmatullahi Wabarakatuh.***